



**KEMENTERIAN PERTAHANAN
MALAYSIA**

**UCAPAN PELANCARAN *KICK-OFF*
KAJIAN SEPARUH PENGAL KERTAS PUTIH PERTAHANAN (KPP)
YB DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN
MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA
PADA 13 FEBRUARI 2024**

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

Tuan-tuan dan puan-puan,

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya jua, kita semua berkesempatan untuk hadir dan berkumpul pada hari ini.
2. To all His Excellencies Ambassadors, Foreign Dignitaries, Defence Attaches and distinguished guests, thank you for your presence.
3. We at the Ministry of Defence and the Malaysia Armed Forces are indeed honoured with your commitment and interest in understanding our defence policy and direction.

Hadirin yang saya muliakan,

4. Seperti yang kita maklum, Kertas Putih Pertahanan (KPP) adalah salah satu dokumen yang penting dan kritikal kepada Kementerian ini dan ATM.
5. Sekali pun secara dasarnya KPP membahaskan tentang strategi dan pendekatan pertahanan dalam konteks berhadapan dengan pertempuran dan ancaman. Tetapi, pada perspektif yang lebih besar, Kertas Putih Pertahanan ini sebenarnya, adalah satu penzahiran komitmen Malaysia dalam ikhtiar mengekalkan keamanan, kesejahteraan serta kemakmuran.
6. Sejak disiap dan diperkenalkan, Kertas Putih ini telah menjadi panduan dan asas utama dalam pelbagai penetapan dasar, fokus serta hala tuju kita.
7. Jadi, kejayaan dalam menterjemahkan Kertas Putih Pertahanan harus menjadi keutamaan dan fokus oleh semua pihak di Kementerian ini.
8. Atas dasar itu, Kajian Separuh Penggal yang akan kita mulakan ini mesti dilihat sebagai satu *exercise* atau proses yang serius dan objektif.
9. Ini kerana, Kajian Separuh Penggal ini akan menawarkan kepada kita sekurang-kurangnya 3 kepentingan.

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

10. **Keentingan Pertama**, kajian ini akan melaporkan secara terperinci, keberkesanan atau kelemahan pendekatan yang kita gunakan sejak 2020 dalam memastikan aspirasi KPP ini tercapai.
11. Maka, sebarang kelemahan yang ditemukan, harus menjadi fokus penambahbaikan untuk penggal yang berbaki kelak.
12. **Keentingan Kedua**, ini adalah ruang dan peluang untuk kita mempertimbang dan memasukkan pelbagai perkara yang tidak dicakupi sebelum ini. Apatah lagi, sejak pembentangan KPP ini di Parlimen, terdapat pelbagai perubahan dan perkembangan semasa yang mesti diberikan perhatian.
13. Antaranya,
 - a. Pengalaman Malaysia dan negara-negara di seluruh dunia dalam berhadapan dengan pandemik global seperti COVID-19, impak perubahan iklim yang semakin jelas serta krisis kecukupan dan keterjaminan makanan yang merentas sempadan.
 - b. Keputusan-keputusan terkini Kerajaan yang baharu dan besar. seperti pelaksanaan semula PLKN.
 - c. Dalam konteks geopolitik pula, konflik Ukraine-Rusia, perjanjian antara Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat yang dikenali sebagai AUKUS, ketegangan berterusan AS-China dan kini perkembangan dan trend baharu berkaitan pendirian pelbagai negara dunia dalam isu serangan serta pembunuhan beramai-ramai di Palestin oleh rejim Zionist. Kesemua itu telah mengubah secara signifikan hubungan dan kedinamikan diplomasi blok Eropah, Asia, Afrika serta negara-negara adikuasa lain.
 - d. Dan paling penting, KPP sebelum ini disusun dan diperkenalkan sebelum kewujudan gagasan Malaysia MADANI, yang kini menjadi rujukan serta sandaran dasar dan hala tuju Kerajaan Perpaduan.
14. **Dan Keentingan Ketiga**, dapatan-dapatan dalam Kajian Separuh Penggal ini akan menjadi asas untuk Kementerian Pertahanan dan ATM merundingkan dengan Kerajaan Persekutuan agar keperluan serta perancangan kita dipertimbangkan dalam RMK-13 yang akan bermula tahun hadapan.

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

15. Justeru, sepanjang kita melakukan kajian separuh penggal ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyarankan agar kita memberi perhatian serius dan pertimbangan strategik kepada perkara-perkara berikut.
16. **Pertama, kesiagaan Angkatan Masa Hadapan.**
17. Penyediaan dan pembangunan Angkatan Masa Hadapan mesti menjadi matlamat besar yang mendasari Kertas Putih Pertahanan dan dasar-dasar atau pelan strategik yang menyokongnya.
18. Namun, tafsiran Angkatan Masa Hadapan ini mesti kita fahami dengan cara dan konteks yang lebih luas dan strategik. Ia tidak secara automatik merujuk secara terhad kepada hanya pengambilan lebih ramai anggota atau perolehan lebih banyak aset.
19. Sebaliknya, membangunkan Angkatan Masa Hadapan mesti dilihat sebagai satu proses yang menuntut turut kita melihat pelbagai keperluan strategik lain.
20. **Misalnya:**
21. **Membahaskan keperluan satu angkatan khusus yang memberi tumpuan kepada ancaman bukan tradisional, seperti keselamatan siber, ancaman digital serta elektromagnetik pertahanan.**
22. Pemfokusan ke atas domain ini bukanlah sesuatu yang pelik.
23. Banyak negara dunia dan kuasa besar pertahanan kini sudah mula memberi perhatian serius kepada aspek ini secara lebih terbuka dan inovatif.
24. Penggodaman serta serangan siber hasil operasi atau kegiatan yang disebut 'hacktivist' adalah sesuatu yang berisiko memberi impak besar kepada keselamatan dan pertahanan sesebuah negara.
25. Malah mampu melumpuhkan aktiviti ekonomi, perjalanan pentadbiran Kerajaan, sistem perubatan dan pengangkutan serta banyak lagi impak serius.

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

26. Pada suku akhir tahun lalu, satu kejadian penggodaman dan kecurian fail dari Pentagon, USA, yang digelar sebagai 'insiden besar', telah melibatkan sehingga lebih 600 ribu e-mel dan memberi kesan kepada lebih 2500 organisasi Kerajaan.
27. Malah, pada bulan lalu sahaja, satu lagi insiden yang hampir sama turut dilaporkan melibatkan data-data berkaitan dengan ketenteraan USA.
28. Insiden-insiden sebegini bukan perkara baharu. Malah, akan terus berlaku.
29. Dalam konteks ini, negara jiran kita sudah mengambil langkah terkehadapan, sehingga menubuhkan Digital and Intelligence Services (DIS) sebagai domain dan ketumbukan baharu yang keempat di bawah Angkatan Tentera Singapura (SAF) pada tahun 2022.
30. Dikenali sebagai *the guardians of the new frontier*, mereka bukan sahaja mempunyai pasukan, uniform dan fokus ketumbukan yang khusus. Malah, pendekatan seperti Digital Work-Learn Scheme dan Cyber Work-Learn Scheme telah diperkenalkan secara terbuka untuk menarik minat lebih ramai mereka yang mempunyai kepandaian dalam bidang komputer termasuklah teknologi AI.
31. Ini bermakna, ia akan mula menjadi norma untuk pasukan-pasukan angkatan tentera melakukan *recruitment process* yang mensasarkan golongan seperti *hackers* atau penggodam sebagai sebahagian anggota pertahanan negara.
32. Malah, banyak penganalisis meramalkan yang pertempuran atau pertembungan kuasa akan lebih melibatkan kecanggihan teknologi seperti *unmanned drones* dan aset yang dikawal secara digital.
33. Semua ini menjadi asas untuk kita melihat secara serius keupayaan teknologi AI, *big data* dan pendigitalan di MINDEF dan ATM.
34. **Kedua, adaptasi AI, *big data* dan pendigitalan oleh MINDEF dan ATM.**
35. Saya percaya, proses membina Angkatan Masa Hadapan tidak boleh dibincangkan secara objektif tanpa memberi perhatian kepada perkara-perkara seperti penggunaan data raya atau *big data* dan Kepintaran Buatan atau AI.

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

36. Saya melihat, terdapat sekurang-kurangnya 5 fungsi gabungan teknologi AI dan *Big Data* dalam membantu MINDEF dan ATM. Fungsi-fungsi ini saya ringkaskan sebagai 5T iaitu:
- a. **Pertama, *Threats monitoring*.** Perkara ini relevan terutamanya dalam domain keselamatan siber dan ancaman bukan tradisional.
 - b. **Kedua, *Trends analysis*.** Melalui big data dan AI, penggunaan teknologi, aplikasi atau amalan oleh negara lain akan dapat dilakukan dengan lebih berkesan dan terkini. Pengumpulan maklumat dan data dengan cara yang sistematik ini akan sangat membantu dalam memeta perbandingan dan kemunculan pelbagai *trends* atau *megatrends* semasa yang harus diberikan perhatian oleh negara.
 - c. **Ketiga, *Performance Tracking*.** Dalam usaha menjadi kementerian berprestasi tinggi, analisis dan semakan berkaitan peruntukan belanjawan, kecekapan pengurusan, keberkesanan program mesti dilakukan secara berkala menggunakan sistem yang canggih, pantas dan pintar.
 - d. **Keempat, *Transformation driver*.** Aspirasi kita untuk mengadaptasi teknologi dan pendigitalan antara lainnyanya adalah disandarkan kepada keterbukaan untuk mengubah dan menggantikan amalan serta proses kerja pentadbiran yang tidak produktif. Dan transformasi ini boleh dibantu menggunakan teknologi dan pendigitalan.
 - e. **Kelima dan terakhir, *Touch point platform*.** Memandangkan Kertas Putih Pertahanan, antara lain, mengetengahkan pendekatan *whole nation approach* serta *total defence*, hubungan kita dengan masyarakat mesti erat. Khususnya dalam menjawab pertanyaan, penyebaran maklumat dan pengumuman serta inisiatif memupuk kesedaran.

Hadirin yang saya muliakan,

37. **Ketiga, Kajian Separuh Penggal ini mesti turut memberi perhatian kepada pembangunan dan perkembangan industri pertahanan.**
38. Kita akui salah satu komitmen kita di bawah KPP adalah penghasilan dasar industri pertahanan dan keselamatan negara.

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

39. Namun, saya berpandangan, perkara ini harus dicermati dengan lebih strategik dan realistik. Aspek-aspek seperti pemerksaan bakat tempatan, kerjasama strategik dengan pemain yang lebih besar dan berpengalaman, pembangunan kandungan tempatan atau *local contents*, mesti menjadi antara fokus yang penting.
40. Untuk itu, saya menyarankan agar pengemasan perkara-perkara ini dilakukan.
41. **Keempat, pemerksaan anggota simpanan.**
42. Kertas Putih Pertahanan telah menghuraikan dengan jelas peranan dan fungsi anggota simpanan dalam ekosistem pertahanan kita.
43. Namun kita sedar, salah satu cabaran adalah untuk menarik minat masyarakat untuk menyertai ATM dan bersama-sama berkhidmat dalam perkhidmatan pertahanan.
44. Untuk itu, saya menyarankan agar kita mendalami dan meletakkan secara jelas sasaran untuk merekrut, melatih dan mempunyai **sejumlah anggota simpanan yang optimum pada satu-satu masa.**
45. Pada masa yang sama, kerangka dan peruntukan perundangan serta dasar yang menyentuh keperluan dan kepentingan anggota simpanan mesti turut dilihat secara menyeluruh.
46. Perkara ini bukan sahaja akan membantu ATM untuk berfungsi dengan lebih berkesan. Malah, ia selari dengan hasrat untuk melibatkan masyarakat secara bermakna dalam agenda pertahanan negara.
47. **Fokus kelima dan terakhir, diplomasi pertahanan.**

Hadirin dan hadirat sekalian,

48. Banyak sekali perkembangan mutakhir ini yang menunjukkan bagaimana pendekatan bukan tradisional memberi impak besar kepada spektrum pertahanan dan keamanan dunia.

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

49. Dalam menentang pencerobohan rejim Zionist dan pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin misalnya. Negara seperti Yaman memilih untuk menyekat laluan perdagangan antarabangsa di Laut Merah bagi memberi tekanan kepada pihak penceroboh dan sekutu-sekutunya.
50. Pendekatan ini bukan sahaja berkesan. Malah, dilakukan dengan tidak mengorbankan satu pun nyawa kerana ia tidak bersifat serangan atau pengeboman ke atas orang awam.
51. Demikian juga gerakan boikot oleh masyarakat awam di seluruh dunia.
52. Gerakan besar-besaran yang bersifat *non-violent* dan *non-combatant* ini memaksa banyak konglomerat dan syarikat gergasi untuk mengambil pendirian menentang *genocide*.
53. Terbaharu, rangkaian kedai runcit dari Jepun, Family Mart terpaksa menjelaskan status hubungan syarikat induknya dengan Elbit System berhubung kerjasama dalam persenjataan.
54. Pengamatan terhadap perkembangan sebegini seharusnya memberi pengajaran yang bernilai kepada kita. Khususnya kedudukan dan fungsi elemen atau pendekatan bukan tradisional dalam aspek pertahanan.
55. Pada tahun hadapan Malaysia akan mempengerusikan ASEAN. Dan seperti lazimnya, pertahanan adalah antara segmen yang akan mendapat perhatian.
56. Maka, saya harap agar Kajian Separuh Penggal ini akan turut melihat bagaimana untuk kita meletakkan Malaysia bukan sahaja sebagai sebuah negara maritim yang berdaulat. Tetapi negara yang mempunyai kuasa lunak pertahanan yang menyerlah dan berkesan.
57. Kita mesti mengangkat Malaysia sebagai pentas terbuka bagi membincangkan ancaman pertahanan bukan tradisional.
58. MiDAS melalui Putrajaya Forum boleh meneroka aspek ini sebagai satu *flagship* atau *signature focus* kepada kita.

Your Excellencies, Distinguished guests, ladies and gentlemen,

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

59. As affirmed in the Defence White Paper, Malaysia stands not only as a maritime nation deeply rooted in continental heritage. But we aspire to ensure continuous peace and prosperity in this country and region.
60. As we approach the mid-term of the Defence White Paper, it becomes imperative to conduct a comprehensive review. Numerous developments on local, regional, and global scales necessitate a recalibration of our defence strategies and priorities.
61. And this include the way we approach our defence diplomacy. Particularly, the manner in which we assert Malaysia's maritime identity and global interests. It demands a nuanced understanding of evolving geopolitical dynamics.
62. It is against this nuanced backdrop that I extend an invitation to all foreign representatives present today, for enhanced collaborations and engagements.
63. Malaysia recognizes the pivotal role of robust defence relations with external partners, both within the region and beyond. This underscores the importance of the 'Credible Partnership' pillar, which converges traditional international relations with defence diplomacy.
64. We firmly believe that defence diplomacy is integral to our foreign policy, enabling Malaysia to assert its leadership in the region.
65. The South China Sea for instance. It poses a set of challenges that requires firm and robust strategy in addressing the matter.
66. Without strong and effective defence diplomacy, it is impossible to ensure peace and security in this region.
67. Similarly, in confronting the ever-evolving landscape of asymmetric, traditional and non-traditional threats, cooperation among like-minded nations is paramount. No single nation can effectively tackle these challenges in isolation.

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

68. With that, I again extend my gratitude to all present for their participation and let us all reaffirm our commitment to fostering mutually beneficial relationships in the realm of defence and security.

Para hadirin sekalian,

69. Saya menyeru semua pihak untuk bersama-sama menjayakan Kajian Separuh Penggal ini dengan sebaiknya.
70. Berilah input dan pandangan yang akan menghasilkan dapatan yang bernilai kepada kita.
71. Rujuklah pelbagai pemegang taruh dan pihak-pihak yang mempunyai kepakaran yang mendalam dalam isu yang dikaji. Agar kementerian mendapat sudut pandangan yang menyeluruh, tepat serta strategik.
72. Semoga usaha ini dipermudah dan berjaya disempurnakan dengan baik, insya-Allah.

Sekian, terima kasih.